

Trash To Cash MPJ pada 7 Disember

Jom tukar barang terpakai jadi duit



Liana Sahabudin

JASIN - Orang Melaka khususnya warga Jasin dipelawa menjana ekonomi sampingan dengan menjual sisa barangan terpakai di rumah menerusi Program Trash To Cash pada 7 Disember ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) Mohd Shaiful Hizam Johan berkata, orang ramai boleh menghantar barangan mereka di Vista Alamanda MPJ pada tarikh tersebut.

"Bawa barangan terpakai pada hari tersebut dan kita akan timbang berapa beratnya dan setiap peserta akan diberikan wang tunai mengikut kadar ditetapkan.

"Antara barang boleh dikitar semula seperti mi-

nyak masak terpakai (RM2.50/kilogram) dan barangan 3R iaitu botol plastik, botol kaca, alumunium, besi, kertas, kotak dan lain-lain (RM0.10 hingga RM3.20 per kilogram bergantung kepada jenis barangan).

"Selain itu, mereka juga boleh membawa fabrik termasuk baju terpakai

sama ada yang masih elok atau lusuh, kasut, 'soft toys', beg, langsir, cadar, tuala dan kain alas meja pada harga RM0.10 per kilogram," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurutnya program anjuran bersama Skwad Pencinta Alam (SRAMP) itu diadakan bertujuan mendidik orang ramai supaya

menjaga alam sekitar dan bijak dalam menguruskan barangan terpakai.

"Masyarakat di negeri

ini khususnya orang Jasin dipelawa untuk datang program tersebut, selain dapat memupuk nilai kesedaran

terhadap penjagaan alam sekitar ia juga boleh menjana pendapatan sampingan," katanya.



POSTER hebahan program Trash To Cash anjuran Majlis Perbandaran Jasin.



ANTARA barangan kitar semula yang dibawa orang ramai menerusi program Trash To Cash, April lalu. Foto MPJ